

27/01/2002

Waspada hantar anak belajar di luar negara

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR: Ibu bapa diminta tidak menganiaya anak-anak dengan menghantar mereka melanjutkan pengajian agama ke luar negara terutama Pakistan dan negara Timur Tengah, kerana ia boleh menjejaskan masa depan mereka apabila ijazah yang diperoleh tidak diiktiraf Kerajaan.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata sikap tidak apa atau cuai ibu bapa terutama yang menghantar anak ke negara terbabit tanpa merujuk kepada Kementerian Pendidikan, boleh memberi kesan besar terutama kepada masa depan dan pemikiran mereka.

Katanya, Kerajaan mendapati ramai ibu bapa tidak merujuk kesahihan atau kewibawaan sesebuah universiti, kolej atau madrasah di negara terbabit, sehingga banyak ijazah, diploma atau sijil yang dimiliki tidak diiktiraf di sini.

"Keadaan seperti ini hanya menjejaskan masa depan anak-anak. Oleh itu, saya meminta ibu bapa yang ingin menghantar anak-anak mereka ke tempat seumpama itu merujuk dahulu kepada Kementerian Pendidikan.

"Janganlah kita menganiayai masa depan anak-anak kita," katanya ketika ditemui selepas majlis ramah mesra Gabungan Kontraktor Wanita bersama anak-anak yatim Selangor dan Wilayah Persekutuan, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kebimbangan yang disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengenai kecenderungan ibu bapa menghantar anak mereka belajar di Pakistan atau tempat lain atas alasan belajar.

Apa yang menyedihkan, kata Rafidah, kebanyakan ibu bapa tidak menyiasat tempat anak mereka belajar, sehingga mengetahui kebanyakan madrasah yang dihantar terutama di Pakistan menyemai semangat militan di jiwa anak-anak.

"Kita dapati ramai yang balik dari tempat seumpama, menjadi seperti militan sanggup memberontak berbeza daripada budaya biasa rakyat Malaysia.

"Dan amat sayang, apabila selepas belajar tiga empat tahun anak-anak ini balik, ijazah mereka tidak boleh di gunakan di sini," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa perlu ingat apa yang disediakan ialah masa depan anak-anak bukan masa depan mana-mana parti politik.

Sementara itu, Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, berkata beliau akan bertemu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, untuk mencari tarikh terbaik bagi bertemu dengan semua pekilang dan perusahaan bagi menjelaskan mengenai isu pekerja asing.

Katanya, keputusan Kerajaan untuk menghantar balik pekerja asing dari Indonesia hanya membabitkan mereka yang memasuki negara ini secara haram, terbabit dengan rusuhan atau jenayah.

(END)